

UPSI, Altai State Pedagogical University Rusia jalin kerjasama perkukuh pendidikan terbuka antarabangsa

Tanjong Malim, 7 Oktober - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Altai State Pedagogical University (ASPU), Rusia, bagi memperkukuh jaringan pendidikan terbuka antarabangsa serta memperluas akses ilmu pengetahuan tanpa sempadan.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, pengumuman majlis tersebut menandakan permulaan era baharu dalam hubungan pendidikan antara Malaysia dan Rusia melalui penubuhan Pusat Pendidikan Terbuka UPSI-Rusia (UPSI-Russia Centre for Open Education). "Kerjasama ini bukan sekadar tandatangan atas kertas, tetapi penanaman benih ilmu, hormat-menghormati dan peluang bersama yang akan terus berkembang untuk generasi akan datang. Ia membuktikan bahawa pendidikan tidak seharusnya mempunyai batas geografi.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyempurnakan majlis berkenaan di Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI. Menurut beliau, pusat yang diwujudkan hasil kerjasama strategik itu bakal menjadi jambatan ilmu antara Malaysia dan Rusia, menghubungkan warisan pendidikan tempatan dengan tradisi keilmuan Rusia yang tersohor, selain memperkukuh penyelidikan bersama serta pembangunan sumber pendidikan terbuka bertaraf global. Melalui MoU itu, kedua-dua universiti akan bekerjasama dalam bidang teknologi pendidikan, penciptaan bahan pembelajaran terbuka, serta pertukaran kepakaran akademik dan pelajar, selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG 4) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menekankan pendidikan berkualiti dan inklusif untuk semua.

Majlis turut menyaksikan pelancaran Festival "Russian Mosaic: From Culture to Language", yang menampilkan kepelbagaian

seni, bahasa, dan budaya Rusia termasuk pameran kraftangan, muzik serta makanan tradisional negara itu. Sementara itu, Rektor Altai State Pedagogical University, Kaigorodov Eugeni, berkata MoU yang dimeterai bersama UPSI merupakan satu langkah penting dalam memperkukuh kerjasama pendidikan antara Rusia dan Malaysia yang berteraskan inovasi, saling memahami, serta semangat kemanusiaan sejagat. "Pendidikan ialah jambatan yang menyatukan bangsa dan budaya. Kami percaya melalui Pusat Pendidikan Terbuka ini, pelajar dan penyelidik dari kedua-dua negara akan memperoleh peluang baharu untuk berkongsi ilmu, menjalankan kajian bersama, dan membangunkan sumber pembelajaran digital yang dapat dimanfaatkan oleh seluruh dunia.

"Kerjasama ini adalah titik permulaan kepada banyak inisiatif bersama pada masa hadapan dalam penyelidikan, pertukaran pelajar dan program kebudayaan," ujarnya



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



NC UPSI dilantik pengerusi majlis IPT Perak

Seri Iskandar, 12 Oktober - Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff dilantik sebagai Pengerusi Majlis Institusi Pendidikan Tinggi Negeri Perak (MIPT). Watikan pelantikan itu disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang menyempurnakan majlis perasmian Festival Idea Peringkat Negeri Perak di Kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM) Seri Iskandar anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia semalam. Festival bertujuan meraikan idea-idea baru serta inovasi Pendidikan Tinggi yang relevan dengan revolusi industri 4.0.

Hadir sama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Diraja Dr. Zambry Abd. Kadir serta Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak, Khairudin Abu Hanipah. Sempena majlis turut disampaikan sumbangan daripada Creative Minds@SSB Program kepada Seri Budiman International School Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Prof Md Amin menganggap pelantikan itu sebagai satu lagi

amanah besar buat UPSI.

"Alhamdulillah, jutaan terima kasih atas kepercayaan yang diberikan kepada UPSI dan Insyallah akan kami tunaikan amanah menggunung ini dalam menggembeleng sumber kepakaran lebih 40 IPT di Negeri Perak untuk memacu kegemilangan bumi Darul Ridzuan tercinta sebagai negeri berilmu," katanya. Sebagai Naib Canselor UPSI, beliau dilihat berjaya membawa UPSI terhadap pembaharuan fizikal, serta memacu kejayaan menerusi pelbagai program berimpak tinggi peringkat nasional dan antarabangsa "Semoga pembangunan pendidikan di negeri Perak digerakkan sebaik mungkin atas semangat kebersamaan, kekitaan dan kekeluargaan," katanya.

Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff yang juga Pengerusi Majlis Naib Canselor/ Rektor Universiti Awam, baru-baru ini dilantik sebagai Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) ke-15.

Jangan jadikan media sebagai musuh!

Kuala Lumpur, 4 Oktober - Pengamal media memainkan peranan besar membantu universiti, agensi serta jabatan kerajaan dalam menyelesaikan sesuatu krisis dengan cepat dan berkesan.

Pengarang Berita Kanan Harian Metro Noor Azam Ab Aziz berkata, dalam mendepani krisis luar jangka, penyampaian maklumat dan fakta yang tepat kepada masyarakat adalah amat penting bagi menjaga reputasi sesebuah institusi. Justeru, katanya, unit korporat di peringkat universiti, agensi serta jabatan kerajaan disaran untuk bekerjasama dan membina hubungan baik dengan pihak media.

"Hubungan baik dengan media bukan sahaja dapat memberikan reputasi positif kepada institusi, malah membantu membina jaringan yang kukuh antara kedua pihak. "Jika krisis tidak ditangani dengan baik, sambil lewa, tidak berfakta dan tidak berhujah dengan baik, ia akan mengancam reputasi dan menjadikan krisis itu sebagai satu beban yang institusi terpaksa tanggung berpanjangan," katanya. Beliau berkata demikian ketika dijemput sebagai panel Simposium Strategik Pengurusan Krisis dan Media anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).



Tetamu dari Russia Beli 15 Buku Terbitan PKM

Pejabat Karang Mengarang (PKM) pada hari ini menerima tiga orang tetamu dari Russia yang berkunjung di Kedai Buku UPSI. Mereka ialah Nadezhda Shirokova, Irina Sukhanova dan Irana Isaeva dari Altai State Pedagogical University (ALTSPU).

Menurut wakil Pengarah PKM, Ahmad Janatul Firdaus Dzulkarnain, PKM bertuah menerima kunjungan tetamu dari Russia ke Kedai Buku UPSI.

Katanya lagi, tetamu tersebut sebenarnya mempunyai jadual yang ketat sempena kunjungan di UPSI tetapi mengambil peluang untuk hadir ke kedai buku walaupun seketika.

"Pengarah PKM, Prof. Madya Dr. Nordiana Hamzah pada sebelah pagi, meminta staf PKM membuat persiapan bagi menerima kunjungan tetamu luar negara ini" kata Ahmad.

Ketika membuat pembelian di kaunter buku PKM, mereka amat berpuas hati dengan kadar diskaun buku yang ditawarkan oleh UPSI. Ada antara buku yang dibeli khususnya buku buku terbitan lama dijual serendah RM1 sahaja.

Pembantu Tadbir (P/O), PKM, Muhammad Shahrul Mizan Mohamed Nizam pula berkata Nadezhda Shirokova mengucapkan tahniah kepada PKM kerana membuat jualan buku secara diskaun.

"Mereka turut membeli buku-buku terbitan baharu selain buku buku lama" kata Mizan. Sejumlah 15 buah buku dibeli oleh ketiga-tiga tetamu dalam sesi kunjungan kali ini. Antara buku yang menjadi pilihan mereka termasuklah "A Compilation of Poems, Short Stories and Essays", "Code-Switching in a Multilingual Environment", "Assessment in Higher Education Institutions in Malaysia", "Early Childhood Curriculum", "Teaching and Learning of English As A Second Language", "Road to Happiness Stories on Moral Values", "Smart School Teacher's Thinking Endeavour" dan "Blended Language Learning & Teacher Empowerment: Selected Case Studies".

